


1. Apakah tujuan penubuhan organisasi bukan bermotifkan untung?
- A Membantu golongan berkemampuan mendapatkan perkhidmatan percuma
 - B Meningkatkan penglibatan semua pihak dalam aktiviti kemasyarakatan
 - C Menyediakan premis perniagaan kepada usahawan
 - D Menawarkan produk yang berkualiti
2. Apakah kelebihan perniagaan milikan tunggal?
- A Perniagaan kekal berterusan
 - B Keputusan hak pemilik
 - C Cukai keuntungan dikecualikan
 - D Pemilik menanggung liabiliti terhad
3. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri satu bentuk pemilikan perniagaan.

- Tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
- Kelebihan perniagaan ialah dapat berkongsi kepakaran

Apakah bentuk pemilikan perniagaan tersebut?

- A Syarikat awam berhad
 - B Milikan tunggal
 - C Perkongsian
 - D Koperasi
4. Rajah 1 berkaitan prinsip sebuah bentuk pemilikan perniagaan.



Rajah 1

Apakah Y?

- A Koperasi
- B Francais
- C Perkongsian
- D Usaha sama

5. Pilih pernyataan yang benar berkaitan perniagaan francais?

	Francaisor	Francaisi
A	Memiliki hak asal jenama	Risiko kegagalan rendah
B	Pengalaman tidak diperlukan	Melibatkan jenama terkenal
C	Menawarkan khidmat latihan	Dapat mengembangkan perniagaan secara global
D	Tiada kawalan berterusan kepada francaisi	Tiada beban cukai

6. Maklumat yang berikut berkaitan dengan Syarikat Suhaimi Kurier Sdn Bhd?

Menawarkan perkhidmatan pos di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Apakah skala perniagaan tersebut?

- A Negeri
B Tempatan
C Kebangsaan
D Zon
7. Maklumat berkaitan klasifikasi perniagaan?


Puan Juhaida merupakan pengusaha minyak wangi di Pahang. Beliau mempunyai pekerja tetap seramai 80 orang dan jumlah jualan tahunan sebanyak RM17 juta.

	Saiz	Sektor
A	Kecil	Utama
B	Kecil	Kedua
C	Sederhana	Utama
D	Sederhana	Kedua

8. Manakah pekerjaan yang terlibat dalam sektor primer?

- A Ayah menjadi nelayan laut dalam
B Kakak menjadi seorang penyanyi
C Bapa saudara seorang tukang rumah
D Abang seorang tukang masak terkenal di hotel terkemuka

9. Rajah 2 berkaitan sektor perniagaan.



Rajah 2

Apakah bidang pekerjaan yang boleh dikategorikan dalam sektor T ?

- A Penerbangan
 - B Pemasangan kereta
 - C Pengangkutan awam
 - D Perlombongan minyak
10. Maklumat berikut berkaitan perkembangan sektor perniagaan di Malaysia.

Era 1990-an

Apakah aktiviti yang terlibat pada era tersebut ?

- A Pembinaan
 - B Pelancongan
 - C Penternakan
 - D Pendidikan
11. Apakah peranan Bank Negara Malaysia?
- A Mengutip cukai perniagaan
 - B Menarik kemasukan pelabur tempatan
 - C Menggubal undang-undang perniagaan
 - D Mengawal kestabilan ekonomi negara

12. Agensi yang manakah menyediakan pembiayaan perniagaan?


A



C



B



D



13. Pasangan yang manakah benar tentang pelepasan cukai

	Jenis pelepasan cukai	Keterangan
A	Elaun pelaburan semula	Diberikan kepada syarikat yang mengeksport produk tempatan
B	Potongan cukai	Diberikan kepada syarikat berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC)
C	Elaun cukai pelaburan	Diberikan kepada syarikat pengeluar bahan mentah tempatan
D	Taraf perintis	Diberikan kepada syarikat pengeluar makanan

14. Maklumat berikut berkaitan dengan pengangguran.

Setelah selesai projek pembinaan rumah teres bertingkat, semua pekerja kontrak diberhentikan kerja.

Apakah jenis pengangguran tersebut?

- A Kitaran
- B Bermusim
- C Teknologi
- D Struktur

18. Pilih pasangan yang benar berkaitan faktor persekitaran perniagaan?

	Faktor Dalaman	Faktor Luaran
A	Sumber manusia	Politik
B	Kewangan	Pengeluaran
C	Ekologi	Pemasaran
D	Ekonomi	Penyelidikan

19. Dialog berikut berkaitan gaya pengurusan sebuah perniagaan.

Majikan : Saya bekukan semua cuti dan pastikan pengeluaran 200 000 unit kasut disiapkan sebelum musim persekolahan bermula.

Pekerja : Tuan, saya sudah berjanji dengan anak-anak untuk membawa mereka bercuti.

Majikan: Itu bukan masalah saya. Jika gagal siapkan, anda akan dipecat.

Apakah gaya pengurusan tersebut?

- A Laissez-faire
 - B Demokratik
 - C Sokongan
 - D Autokratik
20. Graf 2 menunjukkan satu trend dalam persekitaran perniagaan.



Graf 2

Apakah faktor dalaman yang mempengaruhi trend tersebut ?

- A Pertumbuhan ekonomi yang positif
- B Teknologi berkembang pesat
- C Kewangan yang kukuh
- D Politik yang stabil

21. Maklumat berikut merupakan pemacu dalam pencapaian sesebuah perniagaan

Y ialah

- Merupakan pembentukan maklumat yang lebih khusus
- Sasaran boleh diukur

Apakah ciri tersebut?

- A Visi
- B Misi
- C Objektif
- D Boleh dicapai

22. Rajah 1 menunjukkan faktor dalaman yang boleh mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif.



Rajah 1

Apakah **M**?

- A Politik
- B Pemasaran
- C Sumber manusia
- D Gaya pengurusan

23. Maklumat berikut berkaitan ciri objektif sebuah syarikat.

Satu tempoh yang perlu ada dalam sesuatu penentuan objektif perniagaan.

Apakah ciri tersebut?

- A Spesifik (*Specific*)
- B Munasabah (*Realistic*)
- C Boleh dicapai (*Attainable*)
- D Jangka masa (*Time frame*)

24. Antara yang berikut, ciri yang manakah perlu diambil kira dalam penetapan objektif sesebuah perniagaan?

- I Dinyatakan secara khusus
- II Mengambil kira persekitaran perniagaan
- III Menyediakan kemudahan perkhidmatan
- IV Mampu dicapai dengan keupayaan yang ada

- A I dan II
- B II dan III
- C I dan IV
- D III dan IV

25. Maklumat berikut diperolehi daripada kilang membuat kerepek.

Perkara	RM
Kos tetap	90 000
Kos berubah seunit	65
Harga seunit	110

Hitung titik pulang modal bagi kilang tersebut.


- A 2000 unit
- B 1385 unit
- C 818 unit
- D 514 unit

26. Antara yang berikut, faktor yang manakah dipertimbangan untuk menghasilkan visi, misi dan objektif perniagaan?

- I Belian
- II Daya saing
- III Syer pasaran
- IV Kos overhed

- A I dan II
- B II dan III
- C I dan IV
- D III dan IV

27. Rajah 3 adalah jenis saluran agihan




Rajah 3

Situasi manakah yang berkaitan dengan Q?

- A Encik Din memberi kebebasan kepada pekerja
- B Puan Asmah tegas dengan tidak memberikan cuti kepada pekerja
- C Puan Julia mengamalkan sikap toleransi apabila bersama pekerja
- D Encik Maniam menerima pendapat pekerja sepenuhnya

28. Graf 2 menunjukkan titik pulang modal yang dicapai oleh syarikat Suria Sdn Bhd



Graf 2

Apakah yang berlaku sekiranya kuantiti pengeluaran berada di kawasan berlorek?

- A Syarikat mengalami kerugian
- B Syarikat mampu berdaya saing
- C Syarikat memperoleh keuntungan yang maksimum
- D Syarikat mendapat tempahan yang banyak daripada pelanggan

29. Manakah merupakan kos tetap?

- A Belanja insurans
- B Belanja belian bahan mentah
- C Belanja pengangkutan
- D Belanja utiliti

30. Mengapakah analisis titik pulang modal penting kepada perniagaan?

- A Meramal keuntungan
- B Menentukan kuantiti pengeluaran bagi menampung jumlah kos
- C Mengetahui jumlah modal yang diperlukan perniagaan
- D Mengira kos produk seunit

31. Pernyataan manakah benar tentang fungsian khidmat pelanggan?

- A Memilih pembekal bahan mentah
- B Menukarkan input kepada output
- C Menyimpan dokumen syarikat
- D Menjawab pertanyaan pelanggan

32. Pernyataan manakah menerangkan fungsian penyelidikan dan pembangunan?

- A Menambah baik produk sedia ada
- B Membeli perisian baharu
- C Mengeluarkan memo
- D Memeriksa stok

33. Maklumat berikut berkaitan dengan suatu bahagian fungsian.

Encik Radhi bekerja di syarikat pengeluaran sos. Dia menghubungi pembekal untuk mendapatkan sebut harga bahan mentah bagi menghasilkan sos.

Apakah peringkat pembangunan produk tersebut?

- A Pemasaran
- B Pembelian
- C Pentadbiran
- D Pengagihan

37. Maklumat di bawah berkaitan dengan bahagian fungsian dalam organisasi perniagaan.

- Menukarkan input kepada output
- Memastikan mesin diselenggara dengan baik

Apakah bahagian fungsian yang terlibat?

- A Pembelian
- B Pengeluaran
- C Pemasaran
- D Pengagihan

38. Maklumat berikut berkaitan pembangunan produk baharu.

Prototaip digunakan untuk mengenal pasti penerimaan pengguna terhadap produk yang dibangunkan.

Apakah peringkat pembangunan produk tersebut?


- A Ujian pemasaran
- B Penyaringan idea
- C Analisis perniagaan
- D Pengujian konsep

39. Antara yang berikut, organisasi luar yang manakah mempunyai hubungan dan interaksi dengan sesebuah organisasi?

- I Bank
- II Agensi kerajaan
- III Perunding insurans
- IV Peguam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

40 Rajah 3 merupakan proses komunikasi.



Rajah 3

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Saluran	Gangguan
B	Gangguan	Maklum balas
C	Maklum balas	Saluran
D	Saluran	Maklum balas

KERTAS SOALAN TAMAT